

Headline	Simpanan di TH bertambah RM5j setahun		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	08 Jul 2014	Color	Black/white
Section	Ekonomi	Circulation	314,000
Page No	B2	Readership	942,000
Language	Malay	ArticleSize	86 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,561
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,684



Simpanan di TH bertambah RM5j setahun

Lembaga Tabung Haji (TH) merekodkan pertambahan deposit sebanyak RM5 juta setahun didorong peningkatan kesedaran masyarakat Islam untuk menabung dalam institusi kewangan yang patuh syariah.

Ahli Lembaga Pengarahnya, Ghazali Awang, berkata sehingga kini, TH mempunyai 8.4 juta pendeposit dengan jumlah deposit sebanyak RM50 billion dan dijangka meningkat sehingga akhir tahun ini.

"Selain tabungan, TH juga menyasar peningkatan perolehan daripada sumber pelaburan lain termasuk kewangan Islam, perladangan, hartanah, pembinaan, teknologi maklumat, minyak dan gas, hospitaliti, perkhidmatan dan makanan halal.

"Lazimnya peningkatan deposit dan pendeposit lebih tinggi direkodkan selepas pengagihan dividen dan bonus pada akhir tahun," katanya selepas Majlis Penyerahan Zakat Program Ehsan TH Peringkat Negeri Terengganu 2014, di Kuala Terengganu, semalam.

Sebanyak RM1.7 juta zakat akan diagihkan kepada 3,424 asnaf miskin dan fakir seluruh negara melalui program berkenaan.

Selain itu Ghazali berkata, TH tidak merancang untuk menambah cawangannya di mana-mana tempat pada masa terdekat memandangkan operasi yang ada pada masa ini sudah memadai.